

Asia Barat hadapi masalah imbangan kuasa

BH 23 FEB 1991

SHAH ALAM, Jumaat — Malaysia bimbang negara-negara di Asia Barat menghadapi masalah imbalan kuasa berkaitan kesan Perang Teluk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara-negara berkecuali akan mengikut telunjuk satu kuasa yang sedia membuktikan keupayaannya untuk menghancurkan sebarang negara di rantau itu jika cuba mengadakan kuasa tentera.

Justeru itu, katanya, Malaysia menghargai usaha Soviet Union untuk mewujudkan perdamaian Perang Teluk.

"Kita khawatir Amerika Syarikat menjadi kuasa yang begitu kuat dan tidak ada siapa yang dapat menandinginya. Ia dapat berbuat apa saja yang disukainya.

"Dengan ini kita menghargai usaha Soviet Union sekalipun ia menghadapi masalah dan mengemukakan pendirian yang berbeza dengan Amerika Syarikat.

"Ini memberi nafas kepada kita (dalam hubungan imbalan kuasa di Asia Barat)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Syarikat Canon Opto (Malaysia) Sdn Bhd, di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan kesanggupan Iraq menerima rancangan damai Soviet Union supaya berundur dari Kuwait bagi menamatkan Perang Teluk.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau bimbang wujud ketidakseimbangan kuasa di antara 'timur dan barat' dalam penyelesaian masalah antarabangsa.

"Oleh kerana Iraq akan menjadi sebuah negara yang lemah, ia turut menjejaskan imbalan kuasa di Asia Barat. Pada masa yang sama, kita bimbang negara-negara Islam yang lain tidak akan mendapat bekalan senjata daripada Barat atau Soviet Union.

"Harga minyak akan dikawal oleh kuasa asing dan bukan lagi oleh Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak," katanya.

Ini menyebabkan, Israel akan menjadi kuasa yang besar di Asia Barat dan masyarakat antarabangsa akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan masalah Palestin, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berharap Iraq akan segera berundur daripada Kuwait bagi mengelakkan lebih ramai orang terkorban dalam peperangan itu.

Beliau berkata Amerika Syarikat perlu menerima rancangan damai Soviet Union itu, untuk menamatkan Perang Teluk.

"Kita awal-awal lagi minta Amerika Syarikat menerima cadangan yang dibuat oleh Iraq. Ia sepatutnya berunding jika tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Iraq itu.

"Tindakan untuk meneruskan pengeboman terhadap Iraq dengan tujuan menghancurkan negara itu bukan membuktikan keinginan untuk mencari perdamaian atau keamanan," katanya.